



## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YBRS. Ts. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM  
KETUA PENGARAH AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**SEMPENA**

**PERASMIAN KONVENSYEN TEKNIKAL  
NUKLEAR (NTC 2021)**

**TARIKH:  
26 OKTOBER 2021**

**PLATFORM:  
ATAS TALIAN**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Terima kasih Puan Pengacara Majlis,  
Assalamu'alaikum, Salam Sejahtera, dan Salam Keluarga Malaysia,

**YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba**

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

**YBrs. Dr. Abdul Rahim bin Harun**

Timbalan Ketua Pengarah  
(Program Penyelidikan & Pembangunan Teknologi)

**YBrs. Dr. Rosli bin Darmawan**

Timbalan Ketua Pengarah  
(Program Perkhidmatan Teknikal)

**YBrs. Encik Mohd Sidek Bin Othman**

Pengarah Kanan  
Program Pengkomersilan Dan Perancangan Teknologi

**YBrs. Dr. Mohamad Rawi Bin Mohamed Zain**

Pengarah Kanan  
Program Pengurusan

**YBrs. Dr. Rasif bin Mohd Zain**

Pengerusi Jawatankuasa Konvensyen Teknikal Nuklear Malaysia 2021

**YBrs. Ts. Dr. Husaini bin Salleh**

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Konvensyen Teknikal Nuklear Malaysia  
2021

Pengarah-Pengarah Bahagian

Seterusnya, warga Nuklear Malaysia yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah di atas usaha jawatankuasa penganjur Konvensyen Teknikal Nuklear Malaysia (NTC 2021) pada tahun 2021 ini kerana berjaya meneruskan tradisi penganjuran konvensyen ini yang diadakan setiap dua tahun sekali. Terima kasih saya ucapkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Sinaran (BKS) selaku penganjur bagi NTC 2021 ini.
2. Semua sedia maklum, Penganjuran NTC 2021 yang merupakan penganjuran kali ke dua puluh dua (22) sejak tahun 2000 ini merupakan platform perkongsian ilmu yang disediakan untuk warga Nuklear Malaysia membentangkan dan menyebarkan pencapaian R&D serta pencapaian perkhidmatan sokongan dalam mengukuhkan program R&D di Nuklear Malaysia.

3. Pandemik COVID-19 yang menyerang seluruh dunia pada tahun 2020 lalu memerlukan semua untuk mengubah gaya hidup dan menyesuaikan diri dengan norma dan kelaziman baharu. Ia menyebabkan segala sistem dan sesetengah aktiviti yang sebelum ini diadakan secara bersemuka berubah kepada secara dalam talian. Termasuk ia dengan penganjuran NTC 2021 pada tahun ini juga diadakan sepenuhnya secara dalam talian.
4. Namun, di sebalik krisis ini, kita perlu berfikiran positif yang mana sains, teknologi dan inovasi (STI) telah dimanfaatkan secara optimum. MOSTI telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memartabatkan STI dan menambah baik perkhidmatan dalam pelbagai aspek. Tanpa sedar, pandemik ini telah mempercepat penerimaan dan adaptasi teknologi dengan kemunculan bakat-bakat tempatan, pembangunan dan penyelidikan yang dipergiatkan serta penglibatan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam inovasi. Kesemua ini telah membuka ruang dan peluang baharu dalam era pembangunan STI.
5. Bertepatan dengan situasi semasa yang dilalui oleh kita semua kini, maka ***“Nuclear Technology Application In New Norm”*** telah dipilih sebagai tema NTC 2021. Warga Nuklear Malaysia perlu menerima hati yang terbuka akan perubahan teknologi yang terjadi termasuk penggunaan aplikasi teknologi nuklear dalam norma baharu. Ini secara tidak langsung membolehkan kita untuk membuat lonjakan paradigma dengan lebih pantas dan penyebaran idea yang lebih bernas dalam meningkatkan kecekapan *output* dan *outcome* secara holistik.

6. Langkah-langkah dalam mengadaptasi segala aplikasi teknologi nuklear yang lebih praktikal dan selamat dalam era norma baharu ini perlu dilaksanakan bagi memastikan Nuklear Malaysia terus relevan dengan perkembangan arus perdana. Sehubungan itu, keupayaan teknologi teras seperti *Artificial Intelligence (AI)*, *Internet Of Things (IoT)*, *blockchain*, *Advanced Material* dan *Big Data* perlu diberikan penekanan yang merangkumi pembangunan ekosistem berkaitan.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

7. Jadikan konvensyen ini sebagai wadah penglibatan dan pengkongisian ilmu diantara pegawai penyelidik dan warga kerja perkhidmatan sokongan untuk mewujudkan komunikasi yang lebih interaktif dan efektif dalam memperkukuh program penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan aktiviti lain dalam kitaran R&D di Nuklear Malaysia disamping mempertingkat lagi mutu perkhidmatan.
8. Saya amat berbangga dengan penglibatan dan sumbangan warga Nuklear Malaysia dalam mencurahkan idea dan perkongsian ilmu yang kreatif, inovatif dan berintegriti serta memastikan pembentangan ini dapat disampaikan dengan jayanya nanti. InsyaAllah.

9. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur atas segala usaha dalam pelaksanaan konvensyen kali ini.
  
10. Akhir kata, saya berharap Konvensyen Teknikal Nuklear Malaysia NTC 2021 ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan memberikan impak yang maksimum untuk semua.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.